

Aplikasi Kaunseling Individu Terhadap Murid Orang Kurang Upaya (OKU) (Pendengaran dan Pertuturan)

(Individual Counselling Application towards Disability Students (Deaf and Dumb)

AZEMI SHAARI, NOOR AZNIZA ISHAK, NURUL NAIMAH ROSE &
ASHLI ABDULLAH

Pusat Pengajian Pembangunan Sosial
Universiti Utara Malaysia
E-mel : s.azemi@uum.edu.my

Abstrak

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui pemahaman dan penerimaan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) pendengaran dan pertuturan terhadap perkhidmatan kaunseling. Kajian ini berbentuk kajian kes pendekatan kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur. Kajian dijalankan ke atas lapan pelajar OKU pendengaran dan pertuturan di sekolah pendidikan khas di negeri Kedah. Sampel kajian telah diberikan empat sesi kaunseling oleh kaunselor berdaftar yang dilatih dalam menggunakan bahasa isyarat semasa sesi kaunseling. Rakaman video telah digunakan untuk menganalisis proses sesi kaunseling dan temu bual separa berstruktur. Hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar OKU pendengaran dan pertuturan tidak faham tentang perkhidmatan kaunseling ketika ditemui sebelum kaunseling yang dijalankan. Setelah melalui empat sesi kaunseling semua lapan sampel kajian menunjukkan penerimaan yang positif terhadap perkhidmatan kaunseling. Ringkasan daripada keputusan menunjukkan pelajar OKU pendengaran dan pertuturan secara positif menerima perkhidmatan kaunseling apabila dilaksanakan dengan menggunakan bahasa isyarat.

Kata kunci: *Kaunseling individu, pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) , pendengaran dan pertuturan.*

Abstract

The objective of this study is to find out the disabilities students' (deaf and dumb) understanding and acceptance towards counseling services. A case study qualitative approach was used using semi-structured interview. Studies carried out on eight deaf and dumb students at the special education school

in the state of Kedah, Malaysia. The research sampels were given four counseling sessions by a registered trained counselor in using sign language during the counseling session. Video footage was used to analyse the process of counseling sessions and the semi-structured interviews. Results showed that the deaf and dumb student's did not understand about counselling services when interviewed before the counseling was conducted. After going through four counseling sessions, all eight research sampels showed very positive acceptance towards the counseling services. Summary from the results shows that the deaf and dumb students positively accept counselling services when implemented using sign language.

Keywords: *Individual counselling, disabilities students, deaf and dumb.*

Pengenalan

Kaunselor adalah kerjaya profesional yang menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada masyarakat. Perkhidmatan kaunseling melalui perubahan dan perkembangan yang positif. Salah satu perkhidmatan kaunseling yang baru berkembang adalah kaunseling pada Orang Kurang (Lau Poh Li, Ahmad Shamsuri Muhamad dan Chew Fong Peng 2011).

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), 'Orang Kurang Upaya' termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat pernyataan penuh dan berkesan dalam masyarakat. Hasuria Che Omar (2009) menyatakan bahawa kurang upaya juga boleh diertikan sebagai kehilangan atau *abnormality* yang bersifat psikologi, fisiologi, bentuk atau fungsi badan. Menurut beliau lagi OKU boleh didefinisikan sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri bagi memperoleh sepenuhnya ataupun sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan sesuatu kekurangan sama ada daripada segi fizikal ataupun mental dan sama ada ia berlaku semenjak lahir ataupun kemudiannya.

Menurut Lewin, Lippitt, dan White (1996), Orang Kurang Upaya dinyatakan sebagai seseorang yang memerlukan perkhidmatan perbantuan khusus kerana kecacatan pada anggota atau kognitif mereka, bagi membolehkan hidup berdikari dalam komuniti. Kecacatan perkembangan adalah tema yang menyeluruh merangkumi berbagai-bagai kecacatan yang bermula dari tempoh perkembangan terdiri daripada terencat akal, kelumpuhan otak, kurang upaya fizikal atau anggota, kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya pembelajaran, masalah kelakuan yang teruk dan kurang upaya kesihatan.

Menurut statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM 2013), jumlah orang kurang upaya (OKU) di Malaysia dianggarkan seramai 2.8 juta orang. Namun begitu, OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) seramai 290 ribu sahaja. Pendaftaran ini merangkumi mereka yang kurang upaya penglihatan, kurang upaya fizikal, kurang upaya mental, kurang upaya pelbagai, masalah pembelajaran pendengaran dan pertuturan. Jadual 1 menunjukkan statistik jumlah pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) mengikut negeri di Malaysia.

Jadual 1

Jumlah Pendaftaran OKU Mengikut Jenis Kekacatan

Tahun	tahun 2009	tahun 2010	tahun 2011	tahun 2012
Jenis kekacatan				
Penglihatan	22 865	26 155	27 840	28 804
Pendengaran	34 850	37 729	39 824	40 988
Fizikal	83 070	94 331	109 088	115 233
Masalah pembelajaran	96 246	109 708	120 109	126 434
Pertuturan	tiada data	tiada data	334	509
Mental	tiada data	tiada data	3 663	5 972
Lain-lain/pelbagai	9 216	11 521	13 389	14 488
JUMLAH	248 858	283 512	314 247	332 428

(Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2013)

Jadual 1 menunjukkan bilangan OKU yang mendaftar mengikut jenis kekacatan daripada tahun 2009 hingga 2012. Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), bilangan OKU yang mendaftar mengikut jenis kekacatan mencatatkan peningkatan sepanjang empat tahun berturut-turut. Pertambahan yang berlaku bagi kategori kekacatan pendengaran dari 39 824 pada tahun 2011 kepada 40 988 orang pada tahun 2012 berjumlah 1164 orang dan kategori kekacatan pertuturan dari 334 orang kepada 509 orang pada tahun 2012 yang berjumlah 175 orang telah menguatkan lagi usaha kajian ini dijalankan untuk membantu murid yang mengalami masalah pendengaran dan pertuturan. Jumlah ini juga menunjukkan bahawa golongan ini merupakan golongan yang tidak boleh dipinggirkan dalam masyarakat setempat dan mereka perlu dilayan seperti golongan individu yang normal. Oleh itu, kajian ini dijalankan supaya golongan kurang upaya pendengaran dan pertuturan dapat meluahkan masalah atau membincangkan isu-isu yang dibangkitkan

dengan menggunakan saluran yang betul dan berjumpa dengan individu yang profesional seperti kaunselor.

Jumlah guru bimbingan dan kaunseling di seluruh Daerah di Kedah yang berdaftar dengan Jabatan Pelajaran Negeri Kedah adalah berdasarkan Jadual 2 berikut :

Jadual 2

Jumlah Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Negeri Kedah

Daerah di negeri Kedah	Jumlah Guru Kaunseling Sepenuh Masa		Menguasai kemahiran bahasa isyarat	Tidak menguasai kemahiran bahasa isyarat
	Lelaki	Perempuan		
Kota Setar/Alor Setar	26	30	0	56
Kuala Muda/Sg Petani	17	36	0	53
Kulim	12	28	0	40
Langkawi	11	12	0	33
Bandar Baharu	17	20	0	37
Pokok Sena	14	38	0	52
Pendang	13	28	0	41
Yan	7	17	0	24
Kubang Pasu/Jitra	8	28	0	36
Padang Terap	12	26	0	38
Baling	4	21	0	25
Sik	6	14	0	20
JUMLAH	153	302	0	455

(Sumber : Jabatan Pelajaran Negeri Kedah, 2013)

Jadual 2 menunjukkan bahawa tiada guru kaunseling sepenuh masa yang didaftarkan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah yang menguasai kemahiran bahasa isyarat yang diperlukan untuk membantu murid-murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan yang terdapat di sekolah menengah di Negeri Kedah. Ini membuktikan bahawa murid-murid ini tidak diberi peluang untuk mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling seperti murid normal yang lain. Oleh itu, bagi pengkaji wajar untuk dilaksanakan kajian ini bagi membuka mata pihak atasan agar berbuat sesuatu bagi membantu murid-murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan dalam mendapatkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling demi masa depan generasi akan datang.

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dikemukakan, maka timbul beberapa persoalan yang menjadi titik tolak kepada pelaksanaan kajian yang dijalankan. Persoalan yang timbul bagi melaksanakan kajian adalah seperti berikut :

- Adakah murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan memahami tentang perkhidmatan kaunseling?
- Adakah perkhidmatan kaunseling mampu diterima oleh murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan?

Terdapat beberapa kajian telah dijalankan oleh para pengkaji berkaitan Orang Kurang Upaya (OKU). Namun, kajian tentang perkhidmatan kaunseling yang dijalankan bersama-sama OKU sangat terhad. Antara kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji di Malaysia adalah kajian 'Peranan Kaunselor dan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)' oleh Lau Poh Li, Ahmad Shamsuri Muhammad dan Chew Fong Peng (2011). Antara isu yang telah dibincangkan dalam kajian tersebut ialah berkaitan kerjaya golongan OKU di Malaysia, kaunseling kerjaya untuk OKU dan peranan kaunselor dalam usaha membantu golongan OKU. Pengkaji menggunakan kaedah kajian perpustakaan dengan merujuk kajian lepas dalam isu kaunselor menjalankan sesi kaunseling bersama golongan OKU.

Haley dan Dowd (1988) menjalankan kajian keberkesanan kaedah berkomunikasi sama ada secara bahasa isyarat, menggunakan juru bahasa atau menulis ke atas orang kurang upaya pendengaran. Kesediaan klien untuk bertemu kaunselor juga dilihat dan diberi perhatian. Kajian ini juga mendapati klien lebih suka menghadiri sesi kaunseling dengan menggunakan bahasa isyarat berbanding menggunakan juru bahasa atau menulis.

Jampel (2010) menekankan mengenai cabaran yang dihadapi dalam perhubungan antara kaunselor dengan klien yang mengalami masalah pendengaran ini. Klien yang menghadapi masalah pendengaran biasanya akan mengalami kesunyian atau pengasingan kerana kekurangan diri mereka. Kajian ini turut menekankan bahawa empati dan mengenal pasti klien adalah amat penting agar klien lebih menerima kaunselor yang ingin menjalankan sesi kaunseling dengan mereka. Ini mewujudkan rasa lebih mesra klien dengan kaunselor.

Kajian lain berkaitan perkhidmatan kaunseling OKU oleh Hill (2009). Beliau merupakan seorang guru kaunseling di *Kelston Deaf Education Centre (KDEC)*. Kajian ini melibatkan beberapa isu seperti budaya kelompok kurang upaya, perhubungan keluarga, isu komuniti dan kaedah terbaik untuk mendekati golongan ini. Hasil kajian menunjukkan sekiranya murid-murid tidak mendapat maklumat yang diberikan dengan sempurna, ia akan memberi kesan dari pelbagai aspek. Misalnya aspek tingkah laku, komunikasi, perhubungan

dan pembelajaran. Kajian ini juga mendedahkan teknik kaunseling dengan menggunakan lukisan untuk membantu murid kurang upaya. Kaedah ini juga dipelbagaikan dengan membuat persembahan drama, cerita bergambar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, proses kaunseling yang dijalankan bersama murid kurang upaya perlu dijalankan secara efektif agar setiap perbezaan dan salah faham antara kaunselor dan klien kurang upaya dapat diatasi dengan berkesan.

Metodologi

Reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kajian kes kualitatif menggunakan pendekatan temu bual separa berstruktur. Medium yang digunakan ialah bahasa isyarat. Kajian dilaksanakan di Sekolah Pendidikan Khas, di Negeri Kedah. Sekolah ini dipilih merupakan satu-satunya sekolah menengah di Negeri Kedah yang mempunyai murid sekolah menengah kurang upaya pendengaran dan pertuturan. Seramai lapan subjek diilih dari populasi 47 orang murid OKU (pendengaran dan pertuturan). Pembahagian jantina berdasarkan populasi kajian adalah 32 perempuan dan 15 lelaki. Manakala daripada 32 populasi murid perempuan OKU pendengaran dan pertuturan hanya 12 sahaja boleh berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa isyarat. Hanya 3 murid lelaki yang mampu berkomunikasi dengan baik menggunakan bahasa isyarat dengan baik. Pemilihan sampel kajian dipilih menggunakan konsep persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Kesemua subjek kajian adalah murid perempuan berusia 14 dan 16 tahun daripada murid-murid yang sedang belajar di Sekolah Integrasi Pendidikan Khas di Negeri Kedah. Subjek yang dipilih diwajibkan mampu menggunakan bahasa isyarat dengan baik dalam berkomunikasi, boleh membaca, dibenarkan oleh ibu bapa atau penjaga mereka.

Proses Pengumpulan Data

Pemilihan sampel iaitu murid-murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan (melalui persampelan tujuan)	INTERVENSI Pelaksanaan sesi kaunseling	Melihat penerimaan klien OKU terhadap sesi yang telah melalui temu bual berstruktur.
---	---	--

Rajah 1. Proses Pengumpulan Data

Berdasarkan Rajah 1 adalah proses pengumpulan data dalam kajian ini melibatkan pemilihan sampel pada peringkat awal. Subjek kajian dicadangkan oleh salah seorang guru kepada murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan yang terlibat berdasarkan beberapa faktor telah ditetapkan dalam pemilihan sampel kajian. Seterusnya sesi kaunseling dilaksanakan sebanyak empat sesi bagi setiap subjek oleh pengkaji. Sesi yang kelima atau yang terakhir dilaksanakan oleh salah seorang guru yang terlibat secara langsung dengan murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan bertujuan melihat sejauh mana penerimaan sesi yang telah dijalankan melalui temu bual berstruktur dan dirakam melalui rakaman video.

Semua lima sesi dilaksanakan dengan menggunakan bahasa isyarat. Sepanjang sesi, rakaman video turut dilakukan agar selepas sesi pengkaji dapat melihat semula rakaman yang dibuat untuk menyiapkan transkrip temu bual yang perlu disertakan dalam kajian.

Dapatan Kajian

Hasil dapatan melalui temu bual yang dijalankan berkaitan tema pertama iaitu pengetahuan tentang kaunseling, menunjukkan lapan subjek tidak tahu maksud kaunseling. Selain itu, tidak tahu kewujudan guru kaunseling di sekolah tersebut. Subjek juga tidak tahu tujuan perkhidmatan kaunseling disediakan. Ini disebabkan guru kaunseling yang ada di sekolah berkenaan tidak pernah memberi sesi kepada subjek kerana mereka tidak mempunyai kemahiran untuk menggunakan bahasa isyarat. Disebabkan kurangnya pengetahuan berkaitan kaunseling dan perkhidmatan yang disediakan, ia menyebabkan murid-murid ini terlepas peluang untuk merasai pengalaman menghadiri sesi kaunseling sepanjang berada di sekolah tersebut. Dapatan dialog temu bual tema satu:

Subjek A dirujuk sebagai AL/01/SMKSL/2013

<i>Pengkaji</i>	:	<i>A..... tahu kaunseling?</i>
<i>Subjek</i>	:	<i>Tak tahu.</i>
<i>Pengkaji</i>	:	<i>Kaunseling bantu murid</i>
<i>Subjek</i>	:	<i>macam mana</i>
<i>Pengkaji</i>	:	<i>dengar masalah</i>
<i>Subjek</i>	:	<i>Oh?</i>
<i>Pengkaji</i>	:	<i>cikgu bagi cadangan untuk bantu.</i>
<i>Subjek</i>	:	<i>Oooo...</i>
<i>Pengkaji</i>	:	<i>A.....faham?</i>
<i>Subjek</i>	:	<i>Faham.</i>
<i>Pengkaji</i>	:	<i>Di sekolah ada guru kaunseling</i>

Subjek : Tak tau.
 Pengkaji : Ada empat orang guru kaunseling.
 Subjek : Tak tau.

Subjek B dirujuk sebagai BL/01/SMKSL/2013

Pengkaji : B..... tahu kaunseling?
 Subjek : Tak tahu.
 Pengkaji : Kaunseling bantu murid
 Subjek : tak faham?
 Pengkaji : dengar masalah murid-murid.
 Subjek : Geleng kepala ?
 Pengkaji : cikgu akan bantu.
 Subjek : geleng kepala...
 Pengkaji : B faham?
 Subjek : Tak tahu.
 Pengkaji : Di sekolah ada guru kaunseling?
 Subjek : Tak tahu.
 Pengkaji : ada empat orang
 Subjek : Tak tahu

Subjek C dirujuk sebagai CL/01/SMKSL/2013

Pengkaji : C pernah jumpa guru kaunseling?
 Subjek : Tak pernah.
 Pengkaji : Kaunseling bantu murid
 Subjek : Tak tahu
 Pengkaji : dengar masalah murid-murid.
 Subjek : Oh.....geleng kepala dan senyum
 Pengkaji : Kaunselor bagi cadangan untuk bantu.
 Subjek : tak tahu
 Pengkaji : C faham apa dia kaunseling
 Subjek : Tak Faham.
 Pengkaji : ada empat guru.
 Subjek : Tak tau.

Subjek D dirujuk sebagai DL/01/SMKSL/2013

Pengkaji : D kenal kaunselor
 Subjek : Tak .
 Pengkaji : Kaunselor tolong murid
 Subjek : macam mana?
 Pengkaji : dengar masalah murid-murid.
 Subjek : geleng kepala

Pengkaji : ada empat guru kaunseling.
Subjek : Tak tau.

Hasil dapatan dari tema kedua iaitu perkhidmatan kaunseling membantu atau tidak murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan, menunjukkan kesemua subjek memberi tindakbalas membuktikan mereka memerlukan sesi kaunseling seperti yang telah mereka lalui bersama-sama pengkaji. Dapatan yang diperolehi juga menunjukkan bahawa subjek bersedia untuk bertemu dan bercerita lagi dengan pengkaji seandainya pengkaji hadir semula ke sekolah tersebut untuk menjalankan perkhidmatan kaunseling. Subjek turut menyatakan wujud perbezaan bagi dirinya dalam memahami perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Walau pun perbezaan yang dirasa hanya sedikit namun ia membuktikan bahawa subjek memerlukan perkhidmatan kaunseling untuk membantu dirinya dan rakan-rakan lain di sekolah. Dialog tema dua:

Subjek D dirujuk sebagai D/02/SMKSL/2013

Cikgu A : Lepas ni Cikgu datang lagi, ok
Subjek : Ya.
Cikgu A : Kenapa?
Subjek : Seronok
Cikgu : Boleh cerita dengan Cikgu
Subjek : ya .
Cikgu A : boleh Cikgu datang bantu.
Subjek : Ya.
Cikgu A : rasa lega
Subjek : Ya.
Cikgu A : Apa rasa ?
Subjek : diamkan dirisenyum
Cikgu A : kenapa diam ?
Subjek : suka.

Subjek E dirujuk sebagai E/02/SMKSL/2013

Cikgu A : Cikgu datang lagi, ok
Subjek : Ya.
Cikgu A : Kenapa
Subjek : Suka
Cikgu : Boleh cerita dengan Cikgu
Subjek : ya .
Cikgu A : rasa lega
Subjek : Ya.

Cikgu A : Lepas ni nak Cikgu Kaunseling datang
 Subjek : Nak.

Subjek F dirujuk sebagai F/02/SMKSL/2013

Cikgu A : Cikgu datang lagi, ok
 Subjek : ok
 Cikgu A : Kenapa
 Subjek : Senyum
 Cikgu : Boleh cakap dengan Cikgu
 Subjek : ya .
 Cikgu A : takut ke
 Subjek : tidak.
 Cikgu A : Lepas ni Cikgu datang
 Subjek : Ok.

Subjek E dirujuk sebagai G/02/SMKSL/2013

Cikgu A : Cikgu datang, ok
 Subjek : ok
 Cikgu A : Kenapa
 Subjek : Senyum
 Cikgu : Boleh cerita
 Subjek : ya .
 Cikgu A : rasa
 Subjek : suka
 Cikgu A : Cikgu datang lagi
 Subjek : Nak.

Perbincangan

Tema 1 : Pengetahuan Tentang Kaunseling

Hasil dapatan kajian menunjukkan kesemua lapan subjek tidak menyedari akan kewujudan guru kaunseling di sekolah mereka, maka mereka tidak memahami kaunseling. Hasil dapatan kajian bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Hill (2009) melibatkan perkhidmatan kaunseling orang kurang upaya (OKU). Kajian ini melibatkan beberapa isu seperti budaya kelompok kurang upaya, perhubungan keluarga, isu komuniti dan kaedah terbaik untuk mendekati golongan ini. Hasil kajian menunjukkan sekiranya murid-murid tidak mendapat maklumat yang diberikan dengan sempurna, ia akan memberi kesan dari pelbagai aspek. Misalnya aspek tingkah laku, komunikasi, perhubungan dan pembelajaran.

Dapatan kajian kejayaan kaunselor membant OKU jika mereka faham peranan kaunselor dalam kehidupan mereka, saranan ini seperti kajian yang dilaksanakan oleh Lau Poh Li, Ahmad Shamsuri Muhammad dan Chew Fong Peng (2011) dalam kajian 'Peranan Kaunselor dan Perkhidmatan Kaunseling Kerjaya Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)' dalam memahami isu kerjaya OKU lepasan sekolah. OKU yang dibantu kaunselor dalam kaunseling kerjaya misalnya dapat menetapkan pilihan kerjaya yang bersesuaian dengan kemampuan mereka.

Kaunselor yang memahami budaya, bahasa isyarat sebagai media perhubungan amat membantu golongan OKU dalam sesi kaunseling Dapatan ini amat bertepatan dengan dapatan Haley dan Dowd (1988) yang menyatakan keberkesanan berkomunikasi sama ada secara bahasa isyarat, menggunakan juru bahasa atau menulis ke atas orang kurang upaya pendengaran amat membantu.

Secara ringkasnya, berdasarkan hasil kajian diyakini bahawa penyampaian maklumat berkaitan kaunseling jika disampaikan kepada murid-murid, akan memberi peluang kepada mereka untuk mendapatkan perkhidmatan kaunseling yang disediakan seperti yang disarankan oleh Hill (2009) menyatakan bahawa budaya kelompok kurang upaya, perhubungan keluarga, isu komuniti dan kaedah terbaik untuk mendekati golongan ini. Hasil kajian menunjukkan sekiranya murid-murid tidak mendapat maklumat yang diberikan dengan sempurna, ia akan memberi kesan dari pelbagai aspek. Misalnya aspek tingkah laku, komunikasi, perhubungan dan pembelajaran.

Tema 2 : Perkhidmatan kaunseling membantu atau tidak murid kurang upaya pendengaran dan pertuturan.

Hasil kajian membuktikan bahawa semua subjek menyatakan bahawa mereka memerlukan perkhidmatan kaunseling seperti juga rakan normal yang lain. Maka, dalam usaha untuk membantu golongan ini, kaunselor perlu menyediakan diri dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran agar usaha murni yang akan dilakukan, dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna. Kajian selari dengan Jampel (2010) menyatakan bahawa golongan kurang pendengaran dan pertuturan perlu diberi perhatian. Oleh itu, kaunselor perlu mempunyai pengetahuan yang cukup sekiranya ingin melaksanakan sesi kaunseling dengan mereka.

Begitu juga pendapat Haley dan Dowd (1988) menekankan keberkesanan berkomunikasi bahasa isyarat dalam meyakinkan OKU untuk bertemu kaunselor dan lebih berminat menghadiri sesi kaunseling. Begitu juga dengan Jampel (2010) mengatakan kaunselor yang memahami bahasa isyarat, budaya OKU dan keempatian dapat membantu OKU berjumpa kaunselor. OKU lebih menerima kaunselor yang ingin menjalankan sesi kaunseling dengan mereka dan mewujudkan rasa lebih mesra klien dengan kaunselor.

Penutup

Hasil keseluruhan kajian mendapati murid-murid OKU (pendengaran dan pertuturan) menerima baik perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Golongan OKU memerlukan perhatian yang sewajarnya dan menjadi tanggungjawab kerajaan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menyediakan kaunselor yang mampu menjalankan perkhidmatan kaunseling menggunakan bahasa isyarat kepada golongan murid sekolah OKU (pendengaran dan pertuturan).

Rujukan

- Grundfast, K. (2000). Wellbeing in deaf children : A framework of understanding. *ENT Journal*, 71(10), 479-493.
- Haley, T.J., & Dowd, E. T. (1988). Responses of deaf adolescents to differences in counselor method of communication and disability status. *Journal of Counseling Psychology*, 35, 258-262.
- Hasuria Che Omar. (2009). *Penterjemahan dan bahasa isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Norasuzaini Sujak. (2009). Sokongan dan halangan yang dihadapi pelajar-pelajar kurang upaya di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 1(2), 18-29.
- Hasnah Toran, Tajul Arifin Muhamad, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar, & Nur Hazwani Hamzah, (2010). Pengetahuan dan sikap rakan sebaya terhadap pelajar kurang upaya di sebuah IPTA di Malaysia. *Asean Journal of Teaching and Learning in Higher Education*, 2(2), 22-34.
- Hill. 1999. Quality, Appropriateness, incentive and time: A model of instructional effectiveness. *International Journal of Educational Research*, 21(2), 141-156.
- Hindley. (1994). Psychosocial development in a Danish population of children with cochlear implants and deaf and hard-of-hearing children. *Oxford Journals of Deaf Studies and Deaf Education*, 15(1), 50-58.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2013). *Statistik OKU berdaftar di Malaysia*, Putra Jaya, Penerbitan Percetakan Negara Malaysia.
- Jabatan Pelajaran Negeri Kedah. (2013). *Statistik guru kaunseling sepenuh masa menengah dan rendah (GKSM). Unit Kaunseling Jabatan Negeri Pelajaran Negeri Kedah*. Alor Setar, JPN Kedah.
- Jamila K. A. Mohamed. (2006). *Pendidikan khas untuk kanak-kanak istimewa*. Kuala Lumpur : PTS Profesional Publishing Sdn Bhd.
- Jampel J. B. (2010). When hearing students work with a deaf therapists. *PsychotherapyTeory, Research, Practice, Training*, 27(2), 144-150.

- Kay D.D. (2008). *Consideration when counselling deaf students* (Unpublished thesis).
- Lethbridge, Alta : University of Lethbridge, Faculty of Education, (Lau Poh Li, Ahmad Shamsuri Muhamad, & Chew Fong Peng. *Jurnal Kajian Pendidikan*, 1(2).
- Lewin, K., Lippitt, R., & White, R. (1996). Patterns Of Agressive Behaviour In Experimentally Created "Social Climates". *Journal of Social Psychology*, 10, 271-99.
- www.jkm.gov.my
- www.kedah.edu.my
- www.statistics.gov.my
- <http://www.japem.gov.bn/BIsyarat.htm>
- <http://www.kpwkm.gov.my/akta-kaunselor-19981>